

**NO. SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL  
RAHIM [BALING]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10029**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh  
Kementerian bagi memastikan bekas-bekas penagih dadah daripada  
terjebak dalam kancah jenayah selepas keluar daripada Cure & Care  
Rehabilitation Centre (CCRC) terutamanya bagi bekas penagih dari  
kawasan luar bandar.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah berjaya melaksanakan program rawatan dan pemulihan dadah di dalam institusi menerusi Klinik *Cure & Care 1Malaysia* (Klinik C&C), *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) dan *Cure & Care Vocational Centre* (CCVC). Klien-klien perlu menjalani program rawatan dan pemulihan dadah yang diatur dan ia diteruskan secara pemulihan dalam komuniti bersama AADK.**

**Walau bagaimanapun, bagi membolehkan mereka mengekalkan kepulihan dan mengamalkan gaya hidup berkualiti, mereka memerlukan penjagaan berterusan selepas keluar dari institusi pemulihan dan setelah bebas daripada pengawasan komuniti bagi mengelakkan penagihan semula.**

**Bagi membantu kesinambungan kepulihan ini, AADK telah menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dalam komuniti yang boleh diperolehi di Pejabat AADK Daerah dan Pusat Integrasi Klien (PIK) serta melaksanakan latihan kerjaya dan peluang penempatan pekerjaan yang bersesuaian.**

**Di samping itu, AADK turut melihat kepentingan menggerakkan masyarakat setempat dalam menangani permasalahan penagihan**

**dadah menerusi program *Community Empowerment*, di mana masyarakat mestilah berperanan dari segi:**

- i. bersedia menerima penagih dadah yang sedang menjalani kepulihan (*recovering addicts*);**
- ii. menyediakan peluang pekerjaan kepada *recovering addicts*; dan**
- iii. sokongan sosial daripada keluarga, pemimpin komuniti dan masyarakat umum.**

**Justeru itu, Kementerian menyeru pemimpin-pemimpin komuniti, ahli-ahli komuniti dan juga ahli keluarga klien untuk turut sama membantu Kerajaan dalam proses kepulihan klien kerana masalah penagihan dadah adalah tanggungjawab bersama.**

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN :**

**SOALAN :**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesudian Kementerian untuk menubuhkan kumpulan 'Eminent Persons Group' atau 'High Level Committee' untuk memberi penilaian yang saksama mengenai impak pengurusan pekerja asing di negara ini termasuk menangani beberapa masalah struktur yang dihadapi oleh pengurusan pekerja asing di Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian ini berpandangan bahawa tiada keperluan untuk mewujudkan satu kumpulan Eminent Person Group bagi membincangkan isu pengurusan pekerja asing. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas kabinet mengenai Pekerja Asing - Pemandang Tanpa Izin ( JKKPA- PATI) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri serta keahlian merangkumi sebahagian besar Menteri Kabinet termasuk Ketua Menteri Sabah dan Ketua Menteri Sarawak untuk membincangkan perkara- perkara dasar berkaitan isu pengurusan pekerja asing termasuk kajian impak terhadap dasar-dasar dan program yang telah dilaksanakan.**

**High Level Commitee (HLC) Keperluan Tenaga Kerja Asing juga telah diwujudkan bagi membincangkan isu- isu yang berkaitan pengurusan tenaga kerja asing yang memerlukan penyelesaian segera yang dipengerusikan oleh YAB TPM dan dianggotai oleh beberapa orang menteri kabinet.**